

# Muhammad Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*

## Mukjizatnya Menurut Ajaran Islam

Ada setengah orang mengatakan bahawa Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* telah menyiarkan Islam dengan tidak menggunakan mukjizat sebagaimana yang dilakukan oleh nabi-nabi ‘Īsā atau Mūsā atau Sulaymān atau nabi-nabi yang lain. Pendapat yang sedemikian ini telah mendorong setengah orang berkata bahawa Islam tidak mengandungi perbuatan yang mencarik adat (mukjizat). Oleh itu adakah Islam mengakui pendapat ini atau tidak?

Bagi menolak pendapat yang tidak mengakui adanya mukjizat di dalam Islam, alim ulama Islam yang kebilangannya telah menjawabnya. Di antaranya ialah penjelasan *al-Sayyid* Mohammed Amin el-Husseini (Mufti Palestin) seperti berikut:

(Terjemahan Abu Faisal)

Pernah kita katakan berkali-kali bahawa ada serangan-serangan yang teratur dan rancangan-rancangan sulit yang dijalankan oleh badan-badan asing yang berbahaya, yang diongkosi oleh wang ringgit yang banyak dan disokong oleh penyiasatan yang mendalam dan akal-akal yang jahat, yang bertujuan hendak menggoncangkan iktikad orang-orang Islam dengan berbagai cara dan dakyah, dan dengan menyebarkan perasaan syak dan pengeliruan, dengan perantaraan orang-orang yang menyesatkan, yang menamakan diri mereka penyiar-penyiar agama (paderi-paderi Kristian), dan juga dengan perantaraan Orientalis (pakar-pakar perkara Timur) dan sekolah-sekolah asing (Kristian) serta sekolah-sekolah yang berjalan dengan berdasarkan pengajaran sekolah-sekolah asing, dan juga melalui berbagai-bagai cara yang lain seperti propaganda

yang disiarkan oleh surat khabar-surat khabar, majalah-majalah dan radio-radio dan sebagainya.

Perkara yang tak dapat disangkal ialah bahawa dakyah-dakyah atau propaganda yang dijalankan dengan bijaknya serta disiarkan terus-menerus adalah berkesan kepada hati dan akal, sebagaimana berkesannya titisan air yang terus-menerus menitik di atas batu.

Di antara dakyah-dakyah yang tersebut ialah kata mereka bahawa Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* tidak mempunyai mukjizat yang dikurniakan oleh Allah *‘Azza wa Jalla* kepadanya (seperti yang dikurniakan kepada nabi-nabi yang lain). Yang menyedihkan dakyah ini dan dakyah-dakyah yang lain ada meninggalkan kesan kepada setengah-setengah orang-orang Islam bahkan kepada setengah alim ulama. Mereka pun

tampil memutarakan segala apa jua, sehingga mereka telah mentafsirkan mukjizat-mukjizat dan perkara-perkara yang menyalahi adat (yang mencairak adat), dan memutarakan maksudnya dengan pemutaran yang ganjil, dan nyaris-nyaris mereka menafikan iktikad terhadap perkara-perkara yang ghaib. Mereka telah lupa bahawa Islam maknanya menyerah kepada *qudrah* (kuasa) Allah *'Azza wa Jalla*, dan bahawa orang-orang Islamlah yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib dan beriman kepada segala apa yang disebutkan oleh kitab Allah (*al-Qur'ān al-Karīm*) mengenai mukjizat. Apabila setengah orang-orang Islam telah mulai memutarakan maksud ayat-ayat Qur'an dan menyangka lebih baik bagi mereka dan bagi agama supaya mereka berterang-terang mengatakan tidak percaya melainkan dengan perkara yang dapat dilihat dan

nyata, maka musuh-musuh Islam pun beranilah lalu mengatakan memang tidak ada mukjizat dan tidak ada perkara-perkara yang menyalahi adat (atau menyalahi keadaan tabii). Mereka pun mentafsirkan bahawa Israk dan Mikraj Nabi hanya berlaku dengan perantaraan roh – bukan dengan roh dan jasad.

### Hakikat Mukjizat Rasulullah

Adapun hakikat yang sebenarnya ialah bahawa Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* mempunyai mukjizat-mukjizat yang banyak yang termaktub di dalam kitab suci *al-Qur'ān*, *al-Hadīth al-Sharīf* dan tawarikh. Di antaranya ialah:

Bahawa Nabi kita Muḥammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa ālihi wa sallam* telah Israk dari Masjid al-Ḥarām Makkah ke Masjid al-Aqṣā,

## Siri Sejarah Hidup Nabī Muḥammad

*Ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*

Disusun oleh

**Edrus**

Buku ini disusun dipersesuaikan dengan sukatan pelajaran

Sejarah Islam untuk pelajaran agama di sekolah kebangsaan

di Persekutuan Tanah Melayu. Berpenggal-penggal: 1. Hāshīm bin 'Abd Manāf, 2. 'Abd al-Muṭalib, Nenda baginda, 3. 'Abd Allāh dan Āminah – Ayah Bonda Nabi, 4. Hari Diperanakan, 5. Ḥalīmah al-Sa'diyyah, 6. Yatim piatu, 7. Berkahwin dengan Sītī Khadījah, 8. Menerima wahyu.

Buku ini mengandungi 24 buah. Sambungannya akan segera diterbitkan oleh Qalam Singapura. Harganya 30 sen senaskhah. Belanja mengirim 10 sen.

Pesanlah kepada penerbitnya :

**Qalam, Singapura.**



dan dari sana telah naik ke langit dan kembali ke Makkah pada malam itu juga.

Di antara mukjizatnya juga ialah terbelah bulan, dan membanyakkan makanan yang sedikit ketika orang-orang Islam menggali *khandaq* dan pada beberapa peristiwa yang lain.

Di antara mukjizatnya juga memberitakan perkara-perkara yang ghaib dalam beberapa peristiwa dan lain-lainnya lagi.

Di antara mukjizatnya yang utama ialah usahanya seorang diri menjalankan seruan Islam ketika penduduk dunia menjadi musuhnya dan menentang agama yang dibawanya. Akhirnya ia berjaya menegakkan agama Islam yang teguh dan gagah itu dalam masa dua puluh tiga tahun. Dan belum pun habis satu kurun maka agama Islam itu tersiar luas dan menguasai kebanyakan negeri-negeri yang bertamadun yang terkenal pada masa itu di benua-benua Asia, Afrika dan Eropah, iaitu kejadian yang tidak bertolak banding dalam sejarah nabi-nabi dan orang-orang besar yang lain.

Selain daripada itu, mukjizat Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* yang besar sekali ialah *al-Qur’ān al-Karīm* yang telah diturunkan Allah semenjak empat belas kurun yang lalu. Dalam masa yang tersebut berbagai-bagai kaedah (ilmu) telah berubah, dan bagai-bagai cara pengetahuan telah ternyata palsu, sedang *al-Qur’ān* sendiri tidak berubah keadaannya dan kebenarannya. *Al-Qur’ān* tidak didatangi sesuatu kesalahan, baik dari arah hadapan atau dari belakang, kerana *al-Qur’ān* diturunkan oleh Allah yang Amat Bijaksana dan Amat Terpuji. Bahkan hujah-hujah *al-Qur’ān* makin bertambah kuat dengan majunya ilmu pengetahuan dan timbulnya ciptaan-ciptaan (rekaan-rekaan) baharu, serta adanya pendapatan-pendapatan hasil penyelidikan yang telah datang sebagai membenarkan akan hakikat-hakikat yang terkandung di dalam kitab suci *al-Qur’ān*.


Mukjizat *al-Qur’ān* itu pula bukan sahaja terletak pada ketinggian penjelasannya dan kepetahannya, tetapi juga terletak pada makna-maknanya yang besar dan pengliputannya akan hakikat yang benar tentang kejadian alam, ilmu pengetahuan, akhlak, masyarakat, dan juga kaedah-kaedah yang sah untuk membina di atasnya masyarakat yang baik, dan jaminan kebaikan dan kebahagiaan, serta keadilan dan kebajikan untuk umat manusia seluruhnya.

Kelebihan *al-Qur’ān* ini telah dijelaskan oleh Allah ‘*Azza wa Jalla* dengan firman-Nya: *Qul la ‘in ijtaṃa’ati al-insu wa al-jimū ‘alā an ya’tū bi mithli hādihā al-qur’ān, lā ya’tūna bi mithlihī wa law kāna ba’dhum li ba’din zahīrā.*

Ertinya: “Katakanlah – ya Muḥammad – kalau manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak mendatangkan seperti Qur’an ini, mereka tidak akan dapat mendatangkan seperti halnya walaupun sebahagian daripada mereka membantu akan sebahagian yang lain.”



Bacalah siri Sejarah Syuhada Islam!



Senaskhah 30 sen

**Pesanlah kepada penerbitnya:**

**Qalam, Singapura**